

Hanya 'hutang tak wajar' peneroka dihapuskan – Azmin

LIPIS 20 Jan. – Kerajaan Pakatan Harapan (PH) tidak akan menghapuskan semua hutang peneroka FELDA.

Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, hutang tersebut hanya akan dihapuskan oleh agensi berkenaan berdasarkan perkara tertentu seperti dalam konteks 'hutang tidak wajar'.

Beliau malah menekankan prinsip dan teras dalam Islam tentang hutang wajib dibayar dan merupakan persetujuan antara kedua-dua belah pihak iaitu peminjam serta orang yang meminjam.

"Kita perlu baca konteks yang sepenuhnya dalam manifesto PH. Hapuskan semua hutang FELDA tidak wajar kerana ia satu akad yang dipersetujui kedua-dua pihak dalam Islam.

"Kerajaan hanya hapuskan 'hutang tidak wajar'. Sebagai contoh, peneroka perlu berhutang untuk guna baja import yang mahal dan dalam masa yang sama kita mahu galakkan mereka guna baja tempatan.

"Selain itu, kita hanya hapuskan kadar faedah hutang peneroka, itu pun ikut keadaan ekonomi semasa," katanya ketika ditemui pemberita semasa mengadakan lawatan ke Tapak Projek Rumah

Generasi Kedua FELDA Sungai Koyan 2 di sini hari ini.

Dalam pada itu, Mohamed Azmin berkata, beliau akan membawa segala masalah yang dihadapi FELDA termasuk tanggungan hutang sebanyak RM8 bilion pada Mac nanti.

"Hutang FELDA sebanyak RM8 bilion adalah masalah yang perlu dihadapi kerajaan PH. Kita akan bantangkan pelan pemulihan di Parlimen pada Mac ini.

"Sebab itu apabila PH memegang tampuk pemerintahan negara, kita putuskan bahawa FELDA tidak boleh diuruskan oleh orang politik yang ambil dan buat berdasarkan keputusan politik.

"Hari ini, kita ambil golongan profesional dan perlu menyantuni, memahami dan menyelesaikan masalah peneroka FELDA," jelasnya.



MOHAMED AZMIN ALI